

MAHATHIR-HODZA

1979
KUALA LUMPUR, 2 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MELAHIRKAN KEBIMBANGAN MALAYSIA TERHADAP PERTIKAIAN-
PERTIKAIAN DAN KRISIS-KRISIS YANG MELIBATKAN PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH-MASALAH SEUMPAMA ITU CUMA MELEMAHKAN TENAGA NEGARA-NEGARA ANGGOTA DAN +MENGHALANG KITA DARI MENCAPAI MATLAMAT KITA.+

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN BAGI MERAIKAN NAIB PRESIDEN MAJLIS KEPRESIDANAN YUGOSLAVIA, ENCIK FEDZILJ HODZA DI SINI MALAM INI, BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA JIKA TIDAK DIKAWAL, KECENDERUNGAN-
KECENDERUNGAN +BERPECAH-PECAH+ BOLEH MENJEJASKAN PERPADUAN DAN KETEGUHAN PERGERAKAN ITU.

KATANYA, +KITA HENDAKLAH MENGANGGAP APA-APA SALAH FAHAM ATAU MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL SEBAGAI YANG BERLAKU DALAM KALANGAN KELUARGA.

+PERANAN KITA HENDAKLAH UNTUK MEWUJUDKAN KEHARMONIAN DAN KEAMANAN DAN MEMBAWA PIHAK-PIHAK BERSAMA DARI DIBUAT UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN ATAU UNTUK MEMILIH ANTARA MEREKA.

+APA YANG PENTING DI SINI IALAH PERPADUAN KETEGUHAN PERGERAKAN ITU,+ TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 2312/ZCM

PARA AKHIR BACA...PERPADUAN DAN KETEGUHAN PERGERAKAN ITU.....

MAHATHIR-HODZA 2 KUALA LUMPUR

170

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH MEMATUHI DENGAN FALSAFAH DAN PRINSIP-PRINSIP PERGERAKAN ITU.

BELIAU MENSIFATKAN KONSEP BERKECUALI SEBAGAI SATU PILIHAN YANG TAHAN DAN PRAKTIK BAGI NEGARA-NEGARA YANG INGIN BEBAS DARI PAKATAN-
PAKATAN TENTERA DAN POLITIK MENGIKUT BLOK.

KATANYA, ITULAH SEBABNYA MALAYSIA MELETAK PERHATIAN BERAT KEPADA KONSEP ITU.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA PRINSIP-PRINSIP DI MANA PERGERAKAN ITU DITUBUHKAN -- MENGHORMATI KEDAULATAN, KEMERDEKAAN, DAN KEWIBAWAAN KAWAEAN, TIDAK CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL DALAM NEGARA DAN TIDAK MENGGUNA KEKERASAN -- ADALAH SANGAT RELEVAN KEPADA KEADAAN-KEADAAN YANG BERLAKU DI ASIA TENGGARA MASA INI.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA KEAMANAN DAN KESTABILAN DI RANTAU ITU HANYA BOLEH DIPULIHKAN MENERUSI PRINSIP-PRINSIP ITU.

+SELAGI PRINSIP-PRINSIP ITU DICAPULI, KETEGANGAN DAN PERTIKAIAN AKAN TERUS BERLAKU,+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 2318/ZCM

EE

1674:

MAHATHIR-HODZA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA KESAL BAHAWA KEADAAN ITU TELAH BERTAMBAH SULIT DENGAN ALIRAN MASUK PENDATANG HARAM KE PANTAI-
PANTAI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA JIRAN YANG LAIN.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA BERKECUALI KHUSUSNYA BOLEH MEMAINKAN PERANAN DENGAN MENGAMBIL MINAT POSITIF DAN MEM-
BANTU USAHA-USAHA ASEAN BAGI MENGHAPUSKAN SEMUA SUMBER-SUMBER PEGESERAN DAN KE ARAH PENUBUHAN SEGERA KAWASAN KEAMANAN, KEBEBASAN DAN BERKECUALI. -- BERNAMA 2319/ZCM